

# Kerajaan campuran di Kampuchea: Jepun puji usaha Malaysia

**KUALA LUMPUR, Sabtu** — Jepun memuji usaha yang dijalankan oleh Malaysia bagi membolehkan ketiga kumpulan Kebangsaan Khmer mengadakan pertemuan di sini untuk menubuhkan kerajaan campuran di Kampuchea.

Menteri luar Jepun, Encik Yoshio Sakuruchi berkata, kejayaan mengumpukan ketiga kumpulan itu merupakan hasil usaha peribadi yang gigih dan senyap-senyap Menteri Luar Tan Sri Ghazali Shafie.

Beliau menyatakan demikian dalam rundingan dengan Tan Sri

Ghazali serta pegawai-pegawai kanan Kementerian Luar di Wisma Putrabari ini.

Menurut Setiausaha Parlimen Kementerian Luar, Encik Abdul Kadir Sheikh Fadzir, Jepun telah bertanyakan pendirian Malaysia mengenai Vietnam selepas masalah Kampuchea diselesaikan dengan memuaskan hati semua pihak.

Tan Sri Ghazali menegaskan, pendirian Malaysia dan negara-negara Asean adalah jelas, iaitu ingin berusaha membantu Vietnam berdikari dari segi ekonomi dan lain-lain bidang.

Ini bertujuan membebaskan negara itu daripada terlalu bergantung kepada Soviet Union, katanya.

Dalam pertemuan dengan pegawai-pegawai Amerika Syarikat di Singapura beliau juga menekankan tentang peritanya Washington memainkan peranan membantu Vietnam sebaik sahaja masalah Kampuchea itu selesai.

Tan Sri Ghazali memberitahu perwakilan Jepun itu bahawa terdapat banyak persamaan dan perselahaman antara Vietnam dengan negara-negara Asean.

Yang menjadi batu penghalang untuk memajukan hubungan dan kerjasama rapat antara Vietnam dengan negara-negara Asean ialah masalah Kampuchea, katanya.

Mengenai Perjanjian Timah Antarabangsa, Tan Sri Ghazali melahirkan rasa tidak

puas hati Malaysia tentang sikap beberapa negara pengguna terhadap usaha-usaha menstabilkan harga logam tersebut.

Malaysia pula masih sedang berunding dengan pengeluar-pengeluar, terutamanya Indonesia dan Negeri Thai untuk mencapai pendirian bersama bagi menghadapi soal itu.

Menyentuh bidang hubungan dua hala, beliau menyasarkan supaya diadakan pertukaran istrian antara anggota anggota parlimen dan para pemimpin politik generasi muda.

Beliau percaya persahabatan yang dipupuk dari generasi tersebut membolehkan meningkatkan hubungan peribadi antara para pemimpin kedua-dua negara.